


Pembekalan ubat kpd warga asing di fasiliti KKM: Surat KPK

Azlan Ahmad

Sent: Thursday, 10 April, 2014 10:54:21 AM
To: Ali Bin Ismail
Cc: Rosidah Binti Md Din; Nur'Ain Shuhaila Bt Shohaimi
Attachments: EDARAN.pdf (5 MB)



Salam 1Malaysia,

Tuan

Diedarkan surat edaran daripada Pejabat KPK mengenai pembekalan ubat kepada pesakit warga asing susulan daripada pembentangan Tuan pada Mesyuarat Khas PKF bersama TPKN(F) bil 1/2014.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Azlan Ahmad

Penolong Pengarah Kanan (Pengurusan Farmasi)
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia


No Tel: 03-7841 3252
No Fax: 03-7968 2222

	TINDAKAN	MAKLUMAN
TPKN(F)	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
KPPK (A&PF)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
KPPK (K)	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
KPP (K)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
KPP (A&PF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
KPP (P)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PPK(A&PF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PPK (K)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
CC	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PT (PERK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PT (PENT)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
PT (KEW)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
FAIL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

AO
10/4
Ph. Ainal
ru/makluman
mesy KPF/PPK



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : anhisam@roh.gov.my

KKM-55/BPF/104/012/10 Jld 7(41)

Tarikh: 31 Mac 2014

Semua Pengarah Kesihatan Negeri,

Pengarah Hospital Kuala Lumpur,

Pengarah Institut Kanser Negara,

Y. Bhg Dato'/Datn/Tuan/Puan,

TIMBALAN PEGHAWAI (SRP)		
CAWANGAN	UP / IT	SAH
KPPK (SMB)		} 19/4.
KPK (LAKSIAN)		
KPK (DUNAS)		
KPK (ACT)		
KPK (KUALA)		
KPK (SARAWAK)		
PP (PENTABERANG)		
PAK		
KETUA PROFESION PER		
PUSAT SUKSES		

**PEMBEKALAN UBAT KEPADA WARGA ASING DI FASILITI-FASILITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia memberi rawatan kepada semua pesakit yang mendapat rawatan di fasiliti KKM tanpa mengira pesakit itu adalah warga negara atau warga asing. Jumlah perbelanjaan untuk ubat-ubatan telah meningkat setiap tahun, di mana RM 2,378 juta telah dibelanjakan pada tahun 2013 berbanding dengan RM 1,983 juta pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 19.9%.

3. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Johor telah menjalankan kajian tentang pembekalan ubat kepada pesakit warga asing di fasiliti perubatan KKM. Berdasarkan hasil kajian negeri Johor, dianggarkan kos pembekalan ubat kepada warga asing bagi kes kronik mencecah RM 1,127,371.20 setahun. Ini tidak termasuk preskripsi pesakit warga asing yang mendapat rawatan bagi penyakit berjangkit di mana tiada caj dikenakan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

4. Di samping itu statistik daripada Pusat Informatik Kesihatan, KKM juga menunjukkan peningkatan bilangan warga asing yang mendapat rawatan di fasiliti KKM setiap tahun. Bilangan dan kos preskripsi warga asing ternyata akan memberi impak yang besar kepada perbelanjaan ubat di fasiliti KKM jika tiada kawalan dalaman dilaksanakan.

UNTUK TINDAKAN		
Pengarah	✓	Siti Haniffah
Pengarah Unit Farmasi	✓	Comala S. Usah
Pengarah Bahagian	✓	Salina
Pengarah	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10
Pengarah Bahagian	✓	10



8/4/14

5. Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM telah mengkaji dan mengadakan perbincangan bersama-sama Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga serta Penasihat Undang-Undang, KKM berkenaan isu pembekalan ubat kepada warga asing.

6. Oleh itu, sebagai langkah dalaman untuk mengawal perbelanjaan ubat di KKM, ubat-ubatan yang dibekalkan kepada warga asing yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) di fasiliti KKM perlu dihadkan kepada lima hari sahaja. Pesakit warga asing akan diberi dua preskripsi oleh doktor yang merawat iaitu:

- i) Preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh lima hari sahaja dan,
- ii) Preskripsi kedua untuk bekalan seterusnya (jika perlu) di mana ubat-ubatan perlu dibeli di luar fasiliti KKM (farmasi swasta) oleh warga asing tersebut.

7. Langkah pengawalan ini hendaklah dikuatkuasakan mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama pihak Y. Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk melaksanakan langkah-langkah seperti di Lampiran, di fasiliti masing-masing amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih


'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: 1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

 3. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

4. Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian

5. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

LAMPIRAN

PROSEDUR PEMBEKALAN UBAT KEPADA PESAKIT WARGA ASING

1. OBJEKTIF

Prosedur ini menerangkan kaedah pembekalan ubat kepada pesakit warga asing di Fasiliti Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. SKOP

- Prosedur ini diguna pakai di semua fasiliti hospital dan klinik kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

- **DI KECUALIKAN :**

- I. Dalam keadaan berikut :-

- i) Warga asing yang memegang kad pengenalan merah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (status permastautin tetap);
- ii) Warga asing seorang kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Persekutuan; dan
- iii) Isteri atau suami bukan warganegara kepada isteri atau suami warganegara Malaysia (pesakit hendaklah diminta mengemukakan sijil nikah/sijil perkahwinan untuk pengesahan kedudukannya) tetapi setelah pasangan tersebut didapati **bercerai atau meninggal dunia**, sijil nikah/sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan di caj mengikut pesakit warga asing .

- II. Preskripsi pesakit warga asing yang mendapat rawatan bagi penyakit berjangkit (contoh: TB, kusta dan HIV) selaras dengan 'Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988', rawatan bagi penyakit berjangkit tidak akan dikenakan sebarang caj bagi semua pesakit.

- III. Pesakit warga asing yang mendapat ubat-ubatan yang memerlukan jangka masa tertentu (contoh : antibiotik dan hormon - kitaran pertama sahaja)

3. RUJUKAN

- Perintah FI (Perubatan) Pindaan Tahun 2003
- Surat Arahan Pembekalan Ubat Kepada Warga asing
- Polisi Operasi Farmasi Ambulatori (Hospital dan Klinik Kesihatan) Edisi 1: 2011

4. TERMINOLOGI


- **Warga Asing** : Orang asing yang bukan warganegara Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Akta FI (Perubatan) Pindaan Tahun 2003

- Perintah FI (Perubatan) : Menjelaskan panduan mengenai pelaksanaan caj-caj baru yang terkandung dalam perintah (Perubatan) Pindaan 2003.
- Preskripsi : Satu arahan bertulis di atas slip (Perubatan 6A Pindaan 3/96) yang sah dan lengkap daripada preskriber kepada pesakit untuk mendapat bekalan ubat-ubatan dari pihak Farmasi
- Bekalan Ubat : Ubat yang dibekalkan kepada pesakit berdasarkan preskripsi
- PPP : Penolong Pegawai Perubatan
- JT : Jururawat Terlatih
- PF : Pegawai Farmasi
- PPF : Penolong Pegawai Farmasi

5. PROSEDUR

Perincian Tugas	Tanggungjawab
5. Prosedur pesakit warga asing mendaftar di kaunter	
a) Pesakit hadir dan mendaftar di kaunter Pendaftaran setempat / kaunter Klinik pakar.	
b) Pesakit didaftarkan dan kad temujanji di Cop WA di bahagian bawah kad.	PT/ PPP / JT
c) Kes lama / kes temujanji / kes baru: Pesakit akan diberikan nombor giliran dan seterusnya pendaftaran di Klinik bersesuaian.	PPP / JT/PT
d) Sekiranya di perlukan pesakit akan menjalani pelbagai ujian/ prosedur sebelum menunggu untuk pemeriksaan Pegawai/ Pakar Perubatan.	Pakar / Pegawai Perubatan
e) Pesakit akan di berikan preskripsi ubat . Ubat dipreskripsikan kepada pesakit untuk maksima tempoh 5 hari kecuali bagi kes seperti dinyatakan di para 2. Preskripsi kedua diberi jika bekalan ubat perlu diberi lebih dari 5 hari.	Pakar / Pegawai Perubatan
f) Preskripsi / kad temujanji akan di cop WA sekiranya kad belum di cop.	PPP / JT/PT
g) Pengambilan ubat di Jabatan Farmasi bagi preskripsi pertama sahaja (tempoh bekalan maksima selama 5 hari)	PF / PPF

**CARTA ALIRAN KERJA COP PRESKRIPSI WARGA ASING YANG
MENDAFTAR TERUS DI KLINIK PAKAR SELAIN DARI KAUNTER
SETEMPAT**



CADANGAN UNTUK MELETAKKAN COP TANDA PADA PRISKRIPSI UBAT UNTUK PESAKIT
WARGA ASING

Nama :	Rx	Perubatan 6A-Pin.3/96
No. K.P	CJB AK 44444	
No. Daftar:	<div style="border: 1px solid black; border-radius: 50%; width: 40px; height: 40px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 0 auto;"> WA </div>	
Umur:	HOSPITAL NEGERI (Tandatangan dan Cop Rasmi)	
Tarikh:		
Penyakit:		

LOKASI SESUAI
UNTUK DICOP

CADANGAN UNTUK MELETAKKAN COP TANDA 'WA' PADA
KAD PESAKIT LUAR

KAD PESAKIT LUAR

Nama:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jabatan
Klinik atau
Dispensari


PENJELASAN:

1. Kad ini hendaklah disimpan dengan baik dan jangan dihilangkan

WA

LOKASI SESUAI
UNTUK DICOP

CARTA ALIRAN KERJA COP PRESKRIPSI WARGA ASING BAGI PESAKIT YANG MENDAFTAR DI KAUNTER SETEMPAT



CARTA ALIRAN PROSES UNTUK PESAKIT MENDAPATKAN UBAT DI FARMASI

